

COVID-19 : 1 kes baharu dilaporkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 19 Ogos. - Negara Brunei Darussalam hari ini merekodkan satu kes baharu jangkitan COVID-19 yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 143 orang.

Kes 143 ialah seorang wanita berumur 31 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei BI874 pada 12 Ogos 2020 melalui Kuala Lumpur, Malaysia dari Timur Tengah. Kes ini dikesan melalui

program saringan ujian *swab* COVID-19 bagi sesiapa yang baru tiba ke negara ini dari luar negara.

Pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa wanita berkenaan tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini sedang dirawat di Pusat Pengasingan

Kebangsaan.

Yang Berhormat berkata, Kementerian Kesihatan mengenal pasti seramai 42 orang kontak, di mana 34 orang daripadanya telah menjalani ujian *swab* COVID-19 dan disahkan negatif, manakala selebihnya masih menunggu hasil keputusan ujian. Kesemua kontak sedang menjalani kuarantin di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Sementara itu tambahnya, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa pada 17 Ogos 2020 yang lalu, Kes 142 telah pun dikeluarkan dari Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah sembuhan dan disahkan negatif ujian COVID-19.

Di samping itu, seramai 639



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) bersama Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan (kanan) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh kerajaan, di mana jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020 ialah 4,366 orang.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 555 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang

membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 49,399 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Kementerian Pertahanan anjur Ceramah Khas Awal Tahun 1442 Hijrah



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (kanan) dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kiri) semasa hadir pada Ceramah Khas sempena Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah bagi warga Kementerian Pertahanan dan Bolkiah Garison bertempat di Surau Ad-Dhifa'.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
 Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 21 Ogos. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Ceramah Khas sempena Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah bagi warga Kementerian Pertahanan dan Bolkiah Garison bertempat di Surau Ad-Dhifa'.



PENGARAH Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Generasi Berilmu, Beramal dan Berakhlik Memacu Pembangunan Umat' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anuar bin Haji Ma'awiah; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera; Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; Pegawai - pegawai Kanan; Pegawai - pegawai; anggota dan kakitangan Kementerian Pertahanan serta ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat 80-86 yang diketuai oleh Imam Surau Ad-Dhifa', Suhif bin Abdullah, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Generasi Berilmu, Beramal dan Berakhlik Memacu Pembangunan Umat' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu Pengarah Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Dalam ceramah tersebut, beliau menyentuh pandangan Islam mengenai pentingnya pembangunan belia dalam menegakkan ajaran Islam, terutamanya untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, iaitu dalam usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara, di mana rakyat yang berpendidikan tinggi serta dilengkapi dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurutnya, dalam membentuk ke arah umat yang bertamadun memerlukan generasi yang berwibawa dengan membekalkan diri kepada tiga komponen penting, iaitu berilmu, beramal dan berakhlik.

"Berilmu adalah asas utama untuk mencapai hala tuju pembangunan sama ada dalam bidang ekonomi, pertahanan dan sebagainya. Generasi berilmu memerlukan kepada perancangan strategik untuk menghasilkan kejayaan di dunia dan juga di akhirat. Begitu juga, generasi beramal dengan perintah Allah dan juga undang-undang akan dapat membentuk keutuhan satu umat yang proaktif ditambah lagi dengan hiasan akhlak yang terpuji," ujarnya.

Integrasi berilmu, beramal dan berakhlik jelasnya, tidak dapat dipisahkan kerana setiap daripadanya saling memerlukan. Ketiga-tiga ikatan tersebut akan menyuburkan rasa keimanan dan ketakwaan seseorang Muslim sehingga melihat kehidupan dunia sebagai jambatan menuju akhirat.

Beliau turut menjelaskan bahawa sekiranya tiga perkara ini mampu diterapkan dalam diri setiap generasi, maka akan lahirlah sebuah ummah yang hebat, membangun dengan roh Islamiyyah yang sebenar dengan petunjuk dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19.

42 kontak terdekat 3 warganegara Indonesia disahkan negatif

BERAKAS, Rabu, 19 Ogos. - Kementerian Kesihatan menerima maklumat mengenai dengan tiga orang warganegara Indonesia yang didapati positif COVID-19 sebaik sahaja tiba di Surabaya, Indonesia dari Bandar Seri Begawan pada 9 Ogos 2020 lalu.

Sehubungan itu, sejurus menerima maklumat pada 13 Ogos 2020, Kementerian Kesihatan segera membuat penyiasatan kontak bagi ketiga-tiga kes berkenaan, di mana 42 orang kontak telah dikenal pasti.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, kesemua mereka menjalani ujian *swab* COVID-19 dengan segera dan pada 15 Ogos 2020, kesemua kontak disahkan negatif. Pada masa ini, mereka sedang menjalani kuarantin di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

"Maklumat terkini yang diterima daripada Kementerian Kesihatan Republik Indonesia, alhamdulillah ketiga-tiga orang warganegara Indonesia tersebut telah kini disahkan negatif COVID-19 dan dibenarkan pulang ke rumah," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Pada sesi soal jawab bersama pengamal media tempatan, Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa klinik-klinik swasta diberi kuasa oleh Kementerian Kesihatan untuk memberikan notis pengasingan diri kepada mereka yang mempunyai simptom.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, pihak klinik swasta hendaklah menurut garis pandu yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan, di mana jika pesakit mempunyai simptom tertentu, barulah mereka diberikan notis pengasingan diri.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan tambahnya, ingin menekankan dan mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerusi mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan serta mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungup muka apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

Di samping itu, orang ramai juga digalakkan untuk menggunakan aplikasi BruHealth dan mengimbas Kod QR setiap kali apabila masuk dan keluar dari premis-premis, terutama sekali di tempat-tempat awam seperti gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit, restoran-restoran, pusat rawatan kecantikan, kedai gunting dan lain-lain.

Oleh yang demikian, tegas Yang Berhormat lagi, pengurus-pengurus premis berkenaan adalah dinasihatkan untuk mencetak dan memaparkan Kod QR di tempat-tempat masuk masing-masing.

Orang ramai juga disyorkan untuk mengambil serius dalam penggunaan aplikasi BruHealth, terutama sekali dalam mengimbas Kod QR ini kerana ia adalah penting dalam membantu Kementerian Kesihatan melaksanakan pengesahan kontak (*contact tracing*) dengan segera, jika berlaku sebarang penularan jangkitan.